

SIARAN AKHBAR

S.A. 2025/05/27_12 (HQ)

TNB TERUS CEMERLANG DALAM OPERASI DAN MENGUKUHKAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL

Tenaga Nasional Berhad (TNB) mencatat prestasi operasi yang stabil bagi suku pertama berakhir 31 Mac 2025 (S1 2025), sekaligus mengukuhkan komitmennya dalam memacu masa depan tenaga negara dan menyokong pembangunan berteraskan rakyat.

Prestasi S1 2025 TNB mencerminkan permintaan tenaga elektrik yang stabil dan berterusan, sejajar dengan pertumbuhan ekonomi domestik. Penggunaan daripada sektor komersial meningkat sebanyak 5.1%, didorong terutamanya oleh perkembangan industri yang menggunakan tenaga tinggi seperti pusat data.

Seiring dengan aspirasi Malaysia untuk menjadi hab digital serantau, TNB terus menyokong infrastruktur penting bagi sektor ini. Setakat suku pertama 2025, TNB telah menyalurkan bekalan tenaga kepada 21 pusat data dan memeterai 43 perjanjian bekalan dengan jumlah kapasiti sebanyak 6.4GW, mengukuhkan peranannya sebagai pemacu utama transformasi digital dan perindustrian negara.

Selain itu, pengukuhan nilai Ringgit berbanding Dolar AS daripada RM4.73 pada Mac 2024 kepada RM4.44 pada Mac 2025 turut membantu mengurangkan tekanan ke atas kos bahan api dan perbelanjaan modal, serta memberi impak positif kepada kadar pertukaran asing. Ini mengukuhkan lagi kedudukan kewangan TNB.

“Fokus TNB adalah untuk mengekalkan prestasi stabil sambil mencipta nilai jangka panjang kepada para pemegang saham,” kata Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Megat Jalaluddin Megat Hassan.

“Melalui pengurusan kos yang berhemah, penyampaian perkhidmatan yang dijamin dan komitmen jelas terhadap pembangunan negara, kami terus menawarkan nilai yang konsisten walaupun berdepan cabaran global berterusan.”

Mengembangkan Sayap Tenaga Boleh Baharu di Arena Global

Seiring dengan usaha domestik, TNB terus mengembangkan portfolio tenaga boleh baharu di peringkat antarabangsa menerusi pembangunan projek solar hijau pertamanya di Eastfields dan Bunkers Hill, United Kingdom, yang dijangka mula beroperasi pada suku kedua 2025. Projek ini merupakan sebahagian daripada strategi jangka panjang TNB untuk memperoleh pulangan dalam mata wang asing sambil menyokong agenda peralihan tenaga global.

Pulangan dan pengetahuan yang diperoleh daripada pelaburan antarabangsa ini turut mengukuhkan kedudukan kewangan TNB serta mempercepat usaha peralihan tenaga di tanah air. Sinergi global-lokal ini memastikan kejayaan TNB di peringkat antarabangsa terus membawa manfaat kepada negara.

Membina Ekosistem Tenaga yang Berdaya Tahan dan Inklusif

Berteraskan kemajuan ini, prestasi TNB bagi S1 2025 mencerminkan pelaksanaan yang tertumpu dan berkesan terhadap keutamaan operasi, sambil memastikan pertumbuhan yang inklusif dan selari dengan aspirasi negara.

“Kekuatan kewangan bukan matlamat akhir, sebaliknya menjadi landasan untuk kami memberi impak yang bermakna kepada rakyat,” kata Datuk Ir. Megat Jalaluddin.

“Ketika kami memodenkan grid dan memperluaskan portfolio tenaga boleh baharu, kami turut memberi tumpuan untuk memastikan tiada komuniti yang tercicir. Inilah teras utama misi kami, membawa kemajuan yang mampu memanfaatkan seluruh rakyat Malaysia.”

TNB kekal komited untuk menjana nilai jangka panjang dengan mengimbangi kecemerlangan operasi dan pembangunan negara yang berwibawa serta berfokus.

Memperkasa Komuniti Melalui Sumbangan Strategik

TNB komited untuk memacu kemajuan dengan memberi impak sosial positif kepada komuniti melalui peruntukan 1% daripada Keuntungan Selepas Cukai (PAT) bagi menyokong pembangunan komuniti merangkumi aspek sosial, pendidikan, alam sekitar dan sukan. Dalam suku pertama 2025 sahaja, TNB telah menyalurkan lebih RM45 juta bagi melaksanakan pelbagai inisiatif berpaksikan rakyat di seluruh negara.

“Melangkaui pembekalan tenaga, TNB komited untuk membangunkan generasi masa depan melalui pendidikan. Program-program kami mencerminkan pelaburan jangka panjang dalam komuniti yang kami berkhidmat, memastikan tiada anak yang tercicir dalam perjalanan Malaysia ke arah ekonomi berasaskan ilmu yang lebih inklusif,” kata Pengerusi TNB, Tan Sri Abdul Razak Bin Abdul Majid.

Pelaburan strategik ini merangkumi keperluan masyarakat yang lebih meluas, termasuk:

- **Inisiatif Pendidikan:** Lebih RM36 juta telah disalurkan melalui tajaan UNITEN dan Yayasan Tenaga Nasional (YTN), memberi manfaat kepada lebih 20,000 pelajar di seluruh negara.
- **Ceria ke Sekolah:** Sebanyak RM1 juta diperuntukkan bagi program bantuan kembali ke sekolah di 66 lokasi, membantu kira-kira 8,000 kanak-kanak kurang berkemampuan memulakan sesi persekolahan dengan lebih yakin.
- **Ihya Ramadan:** Lebih kurang RM1.5 juta telah diagihkan sepanjang bulan Ramadan, memanfaatkan lebih 50,000 individu di Semenanjung Malaysia dan Sabah melalui bantuan makanan, program komuniti dan aktiviti keagamaan.
- **Agihan Zakat Wakalah:** Hampir RM4 juta telah disalurkan kepada lebih 14,000 penerima asnaf, merangkumi Projek Baiti Jannati, baik pulih dan pendawaian semula rumah, bantuan kepada golongan fakir dan miskin, serta sumbangan

Fisabilillah termasuk penambahbaikan masjid dan surau, sokongan kepada pusat pendidikan dan bantuan umum lain.

- **Sokongan Kesihatan:** Hampir RM300,000 diperuntukkan untuk memberi manfaat kepada 2,560 individu, termasuk sumbangan peralatan kepada Hospital Rehabilitasi Cheras dan Hospital Pakar USM, bantuan pesakit di Hospital Sultan Zainal Abidin serta inisiatif oleh Pertubuhan Prihatin dan Sokongan Kanser Wanita serta sambutan Hari Kanser Sedunia 2025.
- **Bantuan Bencana:** Lebih RM300,000 telah digunakan untuk membantu lebih 2,000 individu yang terjejas akibat banjir dan ribut di beberapa negeri.
- **Sokongan kepada Komuniti Orang Asli:** Bantuan bersasar berjumlah RM110,000 telah disalurkan kepada lebih 1,200 individu Orang Asli di Royal Belum dan Slim River, Perak.
- **Pembangunan Sukan Negara:** Lebih RM2.1 juta telah diperuntukkan bagi menyokong pembangunan sukan hoki negara, memberi manfaat kepada lebih 5,000 individu melalui sumbangan kepada Konfederasi Hoki Malaysia, klinik latihan serta penyediaan kelengkapan sukan dan inisiatif-inisiatif lain berkaitan sukan.

Program Sekolah Angkat Diperluas kepada 50 Sekolah

Sebagai sebahagian daripada strategi pembangunan komuniti jangka panjang, TNB telah memperluaskan Program Sekolah Angkat TNB secara signifikan, merangkumi 50 buah sekolah di seluruh negara, berbanding 36 sebelum ini.

Dengan pelaburan sekitar RM2.3 juta, program ini menyediakan intervensi bersasar meliputi sokongan akademik, pembelajaran digital, naik taraf infrastruktur serta pembangunan kokurikulum, termasuk:

- *Confirm AI* bersama UNITEN (10 sekolah)
- *Trust School for Peer Assisted Learning And Sharing (PALS)* (6 sekolah)
- *Thunderbolts* TNB (7 sekolah)
- PINTAR TNB bersama Yayasan Pintar (13 sekolah)
- Sekolah Angkat MADANI (14 sekolah)

Usaha berterusan ini mencerminkan komitmen TNB untuk membina Malaysia yang bersedia menghadapi masa depan, di mana kemajuan digerakkan bukan sahaja oleh tenaga yang boleh dipercayai dan mampan, tetapi juga dengan peluang inklusif yang memperkasa komuniti, membina generasi akan datang dan mengukuhkan jalinan sosial negara. Melalui tumpuan berterusan terhadap kecemerlangan operasi dan pelaburan semula yang berfokus, TNB kekal teguh dalam usahanya untuk memberi impak yang melangkaui penyaluran tenaga.

S.A. 2025/05/27_12 (HQ)

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 27 Mei 2025, jam 6:00 petang
*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 /
Grace Tan 016-6626229 / Faiq Haikal 013-3889606
atau emel kami: media@tnb.com.my*

Mengenai Tenaga Nasional Berhad

Tenaga Nasional Berhad (TNB) (www.tnb.com.my) ialah syarikat utiliti terkemuka di Malaysia dan Asia dengan operasi antarabangsa di United Kingdom (UK), Ireland, Australia, Turkiye, Arab Saudi, Kuwait, Pakistan dan Kemboja. Dalam sektor tenaga boleh baharu, TNB memiliki kapasiti penjanaan sebanyak 3.3GW di Semenanjung Malaysia (termasuk 2.5GW hidro berskala besar) dan 1.2GW merangkumi UK, Ireland, Australia dan Turkey, yang terutamanya terdiri daripada aset penjanaan tenaga solar, angin dan hidro. Selain menjadi penjana utama elektrik negara, TNB juga mengendalikan penghantaran dan pengagihan bekalan elektrik di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Sehingga 31 Mac 2025, TNB membekalkan elektrik kepada lebih daripada 11 juta pelanggan.



TNB komited untuk menyokong kelancaran penganjuran Sidang Kemuncak ASEAN 2025, selaras dengan peranan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN tahun ini



Lebih RM2.1 juta telah diperuntukkan oleh TNB bagi memajukan pembangunan hoki negara, yang memberi manfaat kepada lebih 5,000 individu melalui sumbangan kepada Konfederasi Hoki Malaysia, klinik latihan, penyediaan peralatan dan inisiatif lain yang berkaitan dengan sukan.



Menerusi penajaan melalui UNITEN dan Yayasan Tenaga Nasional (YTN), TNB telah menyalurkan lebih RM36 juta bagi menyokong lebih 20,000 pelajar di seluruh negara